

**TINJAUAN PASARAN DI ZON SELATAN PROGRAM
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS DAN PENDIDIKAN (MATEMATIK)
ANJURAN FAKULTI PENDIDIKAN, UTM**

ERUAN SHAH BIN AMBAR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**TINJAUAN PASARAN DI ZON SELATAN PROGRAM
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS DAN PENDIDIKAN (MATEMATIK)
ANJURAN FAKULTI PENDIDIKAN, UTM**

ERUAN SHAH BIN AMBAR

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan
Pentadbiran)**

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2010

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah. Syukur ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya Projek Sarjana ini dapat disiapkan dengan jayanya. Di kesempatan ini, pengkaji ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Hamdan bin Said di atas segala kerjasama, tunjuk ajar, bimbingan serta sokongan yang telah beliau curahkan dalam menyiapkan kajian ini. Segala pertolongan beliau memang tak dapat dibalas dengan wang ringgit. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada para pensyarah yang turut sama menyumbangkan idea dan ilmu mereka sepanjang pengajian saya di Fakulti Pendidikan ini.

Jutaan penghargaan buat ahli keluarga tercinta yang banyak bersabar, memberikan bantuan, memberikan dorongan dan motivasi, jasa kalian tidak ternilai harganya. Buat rakan-rakan SPPTP, Pontian, terima kasih atas segala kerjasama anda semua. Tanpa kerjasama semua, tak mungkin program ini berjaya dijalankan.

Akhir kata, sekalung penghargaan buat semua yang memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian yang dijalankan ini. Didoakan agar jasa bakti anda akan dibalas dengan kebaikan yang berlipat ganda oleh Allah S.W.T.

ABSTRAK

Apakah program Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik) anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memenuhi keperluan pasaran? Kajian diskriptif menggunakan kaedah tinjauan ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan ini dan sebagai memenuhi satu syarat Malaysian Quality Assurance. Majikan institusi pendidikan diminta memberikan penilaian terhadap kurikulum program akademik yang meliputi pengisian konsep teori, jangka masa pengajian, peluang kerjaya, penajaan, dan keperluan pasaran pekerjaan. Satu set soal selidik yang dikeluarkan oleh MQA digunakan dalam kajian ini. Sebanyak 180 set soal selidik lengkap telah dikumpulkan dalam masa yang diperuntukkan. Data telah dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) dan hasil analisis dipaparkan dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa majikan berpuas hati terhadap kesesuaian pengisian konsep teori, jangka masa pengajian, peluang kerjaya, dan pasaran pekerjaan program akademik yang dicadangkan.

ABSTRACT

To what extent the Bachelor of Science with education (Mathematics) program conducted by Universiti Teknologi Malaysia fulfill the market needs? The descriptive study used survey method to discover the answer for this issue as to full fill the requirement of Malaysian Quality Assurance (MQA). The educational institution employers have been asked to evaluate the curriculum of academic program included the theory concept, period of completing the program, carrier opportunity and the requirement of employment. A set of questionnaire issued by MQA were used in this study. There were 180 complete sets of questionnaire returned in appropriate time. The data obtained have been analysed using Statistical Package for Social Science (SPSS) and the findings were exhibit in the form of percentage, frequency and mean. The overall findings showed that the employers were satisfied on the suitability of the theory concept, period of completing the program, carrier opportunity and the requirement of employment for the academic program suggested.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xv
1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	2
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	4
	1.5 Persoalan Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	5
	1.7 Definisi Konsep	6
	1.7.1 Tinjauan Pasaran	6
	1.8 Skop Kajian	7
	1.9 Batasan Kajian	8
	1.10 Penutup	8
2	SOROTAN KAJIAN	10

2.1	Pengenalan	10
2.2	Modal Insan	10
2.3	Tinjauan Pasaran	11
2.4	Kepentingan Tinjauan Pasaran	12
2.5	Keperluan Tinjauan Pasaran Dalam Program Akademik	13
2.6	Kaedah Pelaksanaan Tinjauan Pasaran	14
2.7	Jangkaan Dapatan Dari Tinjauan Pasaran	17
2.8	Aspek Penilaian Soal Selidik	17
2.8.1	Teori Asas	17
2.8.2	Jangkamasa Pengajian	19
2.8.3	Peluang Kerjaya	20
2.8.4	Penajaan	21
2.8.5	Kesesuaian Program	22
2.9	Latar Belakang Program Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik)	23
2.10	Penutup	24
3.0	METODOLOGI KAJIAN	25
3.1	Pengenalan	25

3.2	Rekabentuk Kajian	25
3.3	Instrumen Kajian	26
3.4	Populasi Dan Pensampelan	28
3.5	Prosedur Kajian	28
3.6	Analisa Data	29
3.7	Penutup	29
4.0	ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN	30
4.1	Pengenalan	30
4.2	Analisis Item	30
4.2.1	Bahagian 1 : Kandungan Program Dan Kesesuaian Dengan Keperluan Organisasi	30
4.2.1.1	Jenis Organisasi	31
4.2.1.2	Memenuhi Asas Teori	31
4.2.1.3	Pemakaian Konsep Teori Dalam Keadaan Semasa	32
4.2.1.4	Mata Pelajaran	32
4.2.1.5	Mata Pelajaran Yang Perlu	33
4.2.1.6	Mata Pelajaran Yang Tidak Perlu	33
4.2.1.7	Kriteria Teori Asas	34

4.2.1.8	Kriteria Konsep Semasa	34
4.2.1.9	Kriteria Perundangan / Akta	35
4.2.1.10	Kriteria Penggunaan ICT	35
4.2.1.11	Kriteria Penggunaan Kaedah Kuantitatif	36
4.2.1.12	Kriteria Hubungkait Dengan Pasaran Kerja	36
4.2.1.13	Jangkamasa Pengajian	37
4.2.1.14	Tempoh Latihan Praktikal	37
4.2.2	Bahagian II : Peluang Kerjaya	38
4.2.2.1	Kesesuaian Bidang Pekerjaan	38
4.2.2.2	Kesesuaian Jawatan	38
4.2.2.3	Jumlah Jawatan	39
4.2.2.4	Jumlah Pendapatan	40
4.2.2.5	Kesesuaian Lanjutan Pelajaran	40
4.2.3	Bahagian III : Lain-lain	41
4.2.3.1	Penaja Pengajar	41
4.2.3.2	Galakkan Mengikuti Program	41
4.2.3.3	Kesesuaian Program	42

4.3	Pecahan Analisis Berdasarkan Objektif Kajian	43
4.3.1	Objektif Pertama	43
4.3.2	Objektif Kedua	44
4.3.3	Objektif Ketiga	45
4.3.4	Objektif Keempat	46
4.3.5	Objektif Kelima	47
4.4	Penutup	48
5.0	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	49
5.1	Pengenalan	49
5.2	Rumusan Kajian	49
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	50
5.3.1	Pandangan Majikan Terhadap Kesesuaian Pengisian Konsep Teori Dalam Program Yang Ditawarkan	50
5.3.2	Pandangan Majikan Terhadap Kesesuaian Jangka Masa Pengajian Dan Tempoh Masa Latihan Praktikal	51
5.3.3	Pandangan Majikan Terhadap Peluang Kerjaya Graduan Dari Program Yang Ditawarkan	52

5.3.4 Pandangan Responden Terhadap Kesiediaan Penajaan Bagi Membiayai Kakitanganya Mengikuti Pengajian Program	52
5.3.5 Persepsi Majikan Tentang Kesesuaian Program Dalam Menghasilkan Graduan Yang Memenuhi Kehendak Pasaran	53
5.4 Implikasi Kajian	53
5.5 Cadangan	54
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	55
5.7 Kesimpulan	56
RUJUKAN	57
LAMPIRAN A	61
LAMPIRAN B	67

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jadual Taburan Item Soal Selidik	26
3.2	Taburan Item Soalan Bahagian A	27
3.3	Taburan Item Soalan Bahagian B	27
3.4	Taburan Item Soalan Bahagian C	27
4.1	Taburan Responden Mengikut Jenis Organisasi / Industri	31
4.2	Taburan Responden Mengikut Jawapan Memenuhi Aspek Teori	31
4.3	Taburan Responden Mengikut Pandangan Mereka Ke Atas Kesesuaian Pemakaian Konsep Teori	32
4.4	Taburan Responden Mengenai Kekuatan Mata Pelajaran Terhadap Program	32
4.5	Program Meliputi Mata Pelajaran Yang Perlu	33
4.6	Mata Pelajaran Yang Tidak Perlu	33
4.7	Kriteria Teori Asas	34
4.8	Kriteria Konsep Semasa	34
4.9	Kriteria Perundangan / Akta	35
4.10	Kriteria Penggunaan ICT	35
4.11	Kriteria Penggunaan Kaedah Kuantitatif	36
4.12	Kriteria Hubungkait Dengan Pasaran Kerja	36
4.13	Jangkamasa Pengajian	37
4.14	Tempoh Latihan Praktikal	37
4.15	Kesesuaian Bidang Pekerjaan	38

4.16	Kesesuaian Jawatan	39
4.17	Jumlah Jawatan	39
4.18	Jumlah Pendapatan	40
4.19	Kesesuaian Lanjutan Pelajaran	40
4.20	Penaja Pengajar	41
4.21	Galakkan Mengikuti Program	42
4.22	Kesesuaian Program	42
4.23	Dapatan Mengikut Objektif Pertama	43
4.24	Dapatan Mengikut Objektif Kedua	45
4.25	Dapatan Mengikut Objektif Ketiga	45
4.26	Dapatan Mengikut Objektif Keempat	47
4.27	Dapatan Mengikut Objektif Kelima	47

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Soal Selidik	61
B	SPSS	67

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia sentiasa berusaha memperluaskan program pengajaran dan penyelidikan dalam usaha menyediakan tenaga manusia terlatih bagi memenuhi keperluan dalam pelbagai bidang. Oleh itu program akademik yang ditawarkan mestilah dapat melahirkan graduan yang bukan sahaja bermutu tinggi tetapi menepati kehendak pasaran dunia pekerjaan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam amanat tahun barunya ada menyatakan bahawa selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah meletakkan kebolehpasaran graduan sebagai agenda kritikal yang perlu dilaksanakan dan mencapai sasaran sekurang-kurangnya 75% graduan memperoleh pekerjaan yang sesuai dalam tempoh enam bulan setelah menamatkan pengajian. Bagi memenuhi agenda Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tersebut, pihak IPT juga disarankan agar melakukan perubahan pada kurikulum sedia ada agar usaha untuk menambah nilai pasaran graduan serta penerapan nilai-nilai keusahawanan dalam diri pelajar dapat dilaksanakan.

Zulkifly Osman dan Ishak Yussof (2008) menyatakan bahawa teori ekonomi modal manusia menjelaskan bahawa modal insan yang lebih berkualiti merupakan persediaan terbaik bagi mencapai tujuan menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan dan berdaya saing terutamanya dalam suasana cabaran globalisasi semasa. Persaingan antara IPT dalam menawarkan program akademik yang berkualiti dan memenuhi keperluan pasaran sudah tentu akan meningkatkan kecekapan dalam pengeluaran graduan. Walau bagaimanapun, situasi ini juga boleh menimbulkan kemudaratan apabila pesaing yang lemah akan terpaksa keluar daripada pasaran. Ini kerana, dengan jumlah modal tenaga insan yang ada pada masa kini, ditambah pula

dengan variasi program dan jumlah IPT di dalam negara, majikan mempunyai pilihan yang banyak dalam memilih kualiti pekerja yang diinginkan.

Perlu diingatkan bahawa besarnya pelaburan yang dilakukan di sektor modal insan tidak akan membawa hasil yang signifikan bagi pertumbuhan ekonomi tanpa disertai peningkatan kualiti yang diperlukan (Yahaya Ibrahim dan Abd. Hair Awang, 2008). Pada masa yang sama, sektor swasta di Malaysia semakin menunjukkan minat terhadap sistem pendidikan tinggi dan pembiayaannya. Pelbagai biasiswa diwujudkan oleh majikan dalam membuktikan komitmen mereka kepada bidang pendidikan dan latihan. Hal ini mungkin tercetus akibat rasa tidak puas hati pihak majikan dengan latihan dan kemahiran yang dihasilkan oleh sistem sedia ada untuk dunia pekerjaan. Malah menurut Siti Alida dan Halimah Ahmad (2007) terdapat juga majikan yang menawarkan biasiswa kepada para pelajar peringkat diploma dan ijazah pertama walaupun pelajar tersebut belum pernah bekerja dengan organisasi mereka.

1.2 Latarbelakang Masalah

Menurut laporan Berita Harian bertarikh 28 Julai 2009, kira-kira 150,000 graduan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan menamatkan pengajian setiap tahun iaitu meliputi 80,000 lepasan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan baki 70,000 orang dari institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Mengikut Sistem Kajian Pengesanan Graduan yang dicatatkan tahun 2008, daripada 88,220 keseluruhan graduan IPTA tamat pengajian, seramai 44,525 atau 50.5 peratus mendapat pekerjaan selepas enam bulan tamat pengajian, tidak dapat pekerjaan seramai 19,198 atau 21.7 peratus dan selebihnya lain (melanjutkan pelajaran atau mengikuti latihan kemahiran). Kajian yang sama bagi graduan IPTS pula seramai 13,053 atau 62.8 peratus yang mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian dan tidak mendapat pekerjaan 4,910 orang atau 19.7 peratus. Bagaimanapun, jumlah bagi IPTS itu tidak menggambarkan data keseluruhan graduan yang mendapat pekerjaan atau menganggur kerana tidak semua IPTS di seluruh negara mendaftar dalam Sistem Kajian Pengesanan Graduan ini.

Keupayaan IPT di negara ini dalam melahirkan kuantiti graduan yang diperlukan oleh pasaran tenaga kerja dalam negara tidak dapat dinafikan. Namun demikian, sejauh manakah kualiti graduan yang dihasilkan sebenarnya berupaya menepati kualiti yang diperlukan oleh pihak majikan? Mungkinkah sebenarnya antara punca kepada permasalahan pengangguran di negara ini sebenarnya disebabkan oleh ketidaksesuaian program yang dianjurkan oleh IPT berbanding dengan keperluan pihak majikan? Selain daripada masalah pengangguran, isu mengenai gaji graduan yang diterima bekerja juga perlu diberi perhatian. Adakah kesan daripada pendidikan yang diterima oleh graduan mempengaruhi pendapatannya? Menurut Jacob Mincer (1974), di Amerika Syarikat umpamanya mendapati tempoh persekolahan dan pengalaman bekerja (sebagai proksi modal insan) dapat menerangkan sebanyak 30% daripada perubahan yang berlaku ke atas perolehan atau upah pekerja. Majikan masa kini, menilai para graduan melalui pengalaman program yang diikutinya sebelum ini. Adakah program yang diikuti itu tadi menggunakan tempoh masa yang bersesuaian dan mempunyai latihan praktikal yang mencukupi?

Masalah kekangan tenaga kerja yang berlaku dalam tempoh RMKe-6 dan separuh penggal pertama pelaksanaan RMKe-7 jelas menunjukkan kegagalan sistem pembangunan dan perancangan modal insan bertindak balas terhadap perkembangan pasaran (Zulkifly Osman dan Ishak Yussof, 2008). Dalam tempoh berkenaan, ekonomi Malaysia menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja yang sangat ketara kerana dikatakan dalam tempoh berkenaan pendidikan dan latihan yang diterima oleh pekerja tempatan tidak bersesuaian dengan permintaan majikan. Masalah lebih ketara terutamanya dalam bidang profesional dan teknikal sehingga menyebabkan ekonomi negara menjadi kaku. Majikan akhirnya mengambil jalan kedua iaitu dengan mendapatkan tenaga kerja asing. Namun demikian, dengan beberapa masalah yang timbul akibat dari pengambilan pekerja asing, majikan mula mengorak langkah dengan menggalakkan peningkatan tahap pendidikan pekerja masing-masing (Norzamzila Mustafa, 2005). Ini dilakukan dengan memberikan latihan kepada pekerja, membiayai perbelanjaan pendidikan pekerja ataupun dengan memberikan cuti bergaji kepada pekerja yang menyambung pengajian. Kerana hal inilah, maka majikan akan menentukan program pendidikan yang sesuai dengan keperluan industri / organisasi mereka.

Walaupun strategi pembangunan ekonomi negara telah mengambil kira aspek pembangunan modal insan yang menyeluruh, namun dari segi keberkesannya masih lagi menjadi persoalan. Misalnya, masalah kekurangan tenaga kerja profesional, mahir dan separuh mahir khususnya dalam bidang teknikal yang berlaku sebelum ini dan masalah *mismatch* yang masih wujud mungkin merupakan manifestasi daripada kelemahan perancangan yang dibuat. Oleh itu, penilaian terhadap program pembangunan modal insan semasa amat penting dilakukan, sekurang-kurangnya bagi menolong mengenal isu-isu penting yang menjadi penghambat kepada kejayaan pelaksanaan program-program pembangunan modal insan yang lebih berkesan pada masa hadapan (Zulkifly Osman dan Ishak Yussof, 2008).

1.3 Penyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk melihat semula program Ijazah Sarjana Muda Sains & Pendidikan (Matematik) yang dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia dalam melahirkan graduan yang bersesuaian dengan keperluan semasa majikan. Kajian ini juga penting dalam memastikan program yang dianjurkan oleh UTM adalah sentiasa bukan sahaja menepati kualiti yang pihak UTM tetapkan, namun pada masa yang sama mendapat pengiktirafan dari semua pihak. Melalui kajian ini, pihak universiti dapatlah membuat penilaian dan mendapatkan kekuatan atau kekurangan yang ada dalam program yang telah mereka anjurkan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk meninjau persepsi majikan terhadap Program Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini melihat secara khusus perkara-perkara utama berikut:

- a) Mengenalpasti kesesuaian pengisian konsep teori dalam program yang ditawarkan.

- b) Mendapatkan maklum balas mengenai kesesuaian jangka masa pengajian dan tempoh masa latihan praktikal.
- c) Mendapatkan gambaran tentang peluang kerjaya graduan dari program yang ditawarkan.
- d) Mengenalpasti kesediaan penaja dalam membiayai kakitanganya bagi menyambung pengajian dalam bidang ini.
- e) Mengenalpasti kesesuaian program dalam menghasilkan graduan yang memenuhi kehendak pasaran.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

- a) Apakah konsep teori yang dimasukkan ke dalam program memenuhi keperluan organisasi?
- b) Apakah tempoh masa menjalankan program dan latihan praktikal bersesuaian?
- c) Bagaimanakah peluang kerjaya bagi graduan program ini?
- d) Adakah organisasi berminat membiayai pengajian kakitanganya dalam bidang ini?
- e) Adakah graduan dari program ini mendapat permintaan dalam pasaran kerja?

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini bagi Universiti Teknologi Malaysia dapat dihuraikan seperti berikut :

- a) Mencerminkan kekuatan program Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik), UTM yang telah dijalankan selama ini sama ada ianya dapat memenuhi keperluan semasa majikan atau sebaliknya dari segi pengisian teori asasnya.

- b) Memastikan konsep semasa yang diterapkan dalam program selari dengan perubahan semasa alam pekerjaan.
- c) Aspek perundangan yang disampaikan melalui program Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik), UTM adalah memenuhi keperluan majikan.
- d) Penggunaan ICT dalam program ini bersesuaian dengan keperluan kemahiran ICT semasa.
- e) Penggunaan kaedah kuantitatif dalam pelaksanaan program memenuhi keperluan majikan.
- f) Program yang ditawarkan senantiasa mempunyai hubungkait dengan pasaran / industri yang berkaitan.

1.7 Definisi Konsep

Berikut adalah definisi istilah dan operasi yang digunakan dalam kajian ini.

1.7.1 Tinjauan Pasaran

Tinjauan pasaran menurut McQuarrie, (2007) merujuk kepada usaha untuk mendapatkan maklumat tentang pasaran atau pelanggan. Paul Hague, 1998 menyifatkan tinjauan pasaran sebagai satu usaha yang mempunyai tujuan yang jelas dan berstruktur. Tinjauan pasaran dilihat oleh Paul Hague sebagai langkah yang perlu dilakukan secara sistematik bagi mengurangkan risiko apabila membuat keputusan dalam pemasaran.

Carl McDaniel dan Roger Gates (2007) pula menggambarkan tinjauan pasaran sebagai memainkan peranan dalam tiga fungsi utama, iaitu deskriptif, diagnostik dan prediktif. Fungsi deskriptif melibatkan penyatuan dan persembahan pernyataan serta fakta. Sebagai contoh, apakah pandangan serta sambutan pelanggan terhadap produk yang sudah dihasilkan sebelum ini? Fungsi yang kedua ialah sebagai fungsi diagnostik. Fungsi diagnostik adalah usaha di mana data dan tindakan yang dilakukan dihuraikan. Contohnya ialah apakah perubahan yang berlaku apabila sesuatu perubahan dilakukan ke atas produk yang dihasilkan? Manakala fungsi yang

ketiga ialah fungsi prediktif. Fungsi prediktif merujuk kepada tindakan yang dijangkakan terbaik dapat dilakukan oleh sesebuah organisasi dalam usaha bersaing dalam pasaran di masa hadapan.

Dalam kajian ini, fungsi deskriptif adalah berdasarkan maklum balas majikan mengenai program yang telah diikuti para graduan yang bekerja di dalam organisasi majikan yang menjadi responden kajian. Bagi fungsi diagnostik pula, program yang dikaji akan dinilai berdasarkan perubahan semasa kehendak majikan pada masa kini. Manakala fungsi prediktif bagi kajian ini adalah merujuk kepada rumusan dan cadangan yang terbaik ilham dari tinjauan pasaran yang dilakukan keseluruhannya terhadap Program Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik) keluaran Universiti Teknologi Malaysia. Cadangan yang dihasilkan dari tinjauan pasaran diharapkan dapat digunakan untuk memantapkan lagi program yang ada di Fakulti Pendidikan UTM. Majikan dalam kajian ini ditakrifkan sebagai pelanggan kepada UTM di mana graduan dari lulusan Program Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik) UTM diambil atau berkemungkinan diambil bekerja. Manakala graduan dari program ini pula dikenali sebagai produk keluaran.

1.8 Skop Kajian

Aspek yang dikaji dalam kajian ini meliputi enam aspek utama dalam Garis Panduan Program Akademik yang digariskan oleh Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Kementerian Pendidikan Tinggi. Enam aspek tersebut ialah:-

- a) Teori asas
- b) Konsep Semasa
- c) Perundangan
- d) Penggunaan ICT
- e) Penggunaan kaedah kuantitatif
- f) Hubungkait dengan pasaran / industri

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dihadkan kepada berikut:

- a) Kajian ini hanya melibatkan persepsi organisasi pendidikan terhadap program Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik), UTM sahaja. Persepsi dan pandangan pihak-pihak lain, misalnya graduan dan ibu bapa, tidak diambil kira.
- b) Program yang dinilai hanyalah program Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik), UTM sahaja. Ianya tidak menggambarkan persepsi responden terhadap program-program lain Fakulti Pendidikan atau program-program dari Universiti yang lain.

Kajian ini menjadikan persepsi responden yang terdiri dari kalangan majikan yang mempunyai atau memerlukan pekerja lepasan graduan Sarjana Muda Pendidikan (Matematik) UTM. Majikan yang dipilih pula adalah terdiri daripada sekolah-sekolah, Kolej Komuniti, Pusat Matrikulasi, Pejabat Pendidikan Daerah dan Politeknik. Lingkungan kawasan kajian hanya meliputi zon selatan sahaja (Johor, Negri Sembilan dan Melaka). Di dalam zon selatan, terdapat 393 buah sekolah menengah, 17 buah Kolej Komuniti dan 6 buah Politeknik. Tempoh masa kajian dijalankan adalah dari bulan Julai 2009 sehingga Mac 2010.

1.10 Penutup

Bagi memastikan program yang ditawarkan oleh sesebuah institusi pengajian tinggi sentiasa mendapat pengiktirafan dan permintaan dari kalangan majikan, satu kajian yang berbentuk penilaian dari kacamata majikan perlulah dijalankan. Persaingan antara graduan dari pelbagai institusi dalam merebut peluang pekerjaan yang terhad juga mendesak kepada usaha tersebut. Penggubalan kurikulum dalam melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual memang menjadi hasrat utama dalam falsafah pendidikan negara. Kejayaan dalam melahirkan

pelajar yang seimbang dan berpengetahuan tinggi juga perlu disusuli dengan tahap kebolehpasaran dan kecekapannya dalam mengharungi alam pekerjaan. Sebagai sebuah institusi pendidikan, pihak universiti perlu mempunyai satu mekanisma pengukuran tahap kesesuaian program mereka berbanding dengan kemahuan dan keperluan majikan masa kini. Maka, dengan adanya kajian seperti ini, diharapkan pihak Universiti dan pihak majikan dapat bersama-sama berganding bahu dalam usaha membentuk program akademik yang berupaya melahirkan pelajar yang berjaya dalam pelajaran dan kariernya.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof (2008). *Pengurus Glokal: Menerjah Pengurusan Global*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd .
- Ab. Latip Idris dan Abd Ghani Taib (2003). *Keberkesanan Program Pengalaman Berasaskan Sekolah Berdasarkan Persepsi Guru Pelatih KPLI Sekolah Rendah, MPPM Ambilan 2003: Satu Tinjauan*. Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka.
- Abd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar Abd. Hamid (2002). *Prinsip Pemasaran, Teori Dan Praktis*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Aniha Mat Soh (2003). *Keperluan Kemahiran Generik kepada Industri*. Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda.
- Barry R. Chiswick (2003). Jacob Mincer, Experience and the Distribution of Earnings. University of Illinois : Discussion Paper.
- Bhasah Abu Bakar (2007). *Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors Sdn. Bhd.
- Becker G.S. (1993). *Human Capital, Third Edition*. Chicago: The Chicago University Press.
- Blundell R. dan Powell J. (2000). *Endogeneity in nonparametric regression models*. Invited Lecture. Econometric Society World Meeting Seattle.
- Boone L. E., Kurtz D. E., Mckenzie H. F. and Snow K. (2009). *Contemporary Marketing* (2nd Canadian Ed). US: Nelson Education Ltd.
- Bruner, J. (1996). *The Culture of Education*. Cambridge: Harvard University Press.
- Carl McDaniel Jr and Roger Gates (2007). *Marketing Research*. New Jersey: John Wiley And Sons, Inc.
- Clive Shearer (2006). *Everyday excellence: creating a better workplace through attitude, action, and appreciation*. Milwaukee: American Society for Quality.
- Farah Zulkifli (2003). *Persepsi Majikan Terhadap keperluan Kemahiran Generik di Kalangan Pekerja Industri Kecil Sektor Pemprosesan Makanan di daerah Hulu Langat, Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda
- Ibrahim Saat (1995). *Isu Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jacob Mincer (1974). *Schooling, Experience and Earnings*. New York : Columbia University Press.
- Jami'ah Shukri (2009). *Lulusan Universiti Perlu Keterampilan Untuk Meraih Keperluan Pasaran Pekerjaan Selepas Tamat Pengajian*. Berita Harian, 28 Julai 2009.
- Janet Fine (2005). *Opportunities in Teaching Careers*. US: McGraw-Hills Co.
- John L. Pulley (2003). *Tainted Gift*. The Chronicle of Higher Education. 3 Januari 2003.
- Jumrang Mendeng (2004). *Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Matematik Dalam Bahasa Inggeris. Tinjauan Persepsi Pelajar 3 Buah Sekolah Daerah Kota Kinabalu, Sabah*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Kasim Mansur, Gusni Saat & Said Effendi (2009) Kajian Kes Pelaburan Pendidikan Modal Insan Di Kalangan Suku Kaumsama-Bajau Di Kota Kinabalu: Halatuju Dan Cabaran. *Jurnal Kemanusiaan*. Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia. Universiti Teknologi Malaysia.
- Knapp J. C. & Siegel D. J. (2009). *The Business Of Higher Education*. California: ABC Clio.
- Maimunah Aminuddin (1995). *Panduan Pengurusan Personel*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Mark Tennant, Cathi McMullen & Dan Kaczynski (2009). *Teaching, Learning, and Research in Higher Education*. Kentucky: Routledge.
- McQuarrie, E. F. (2006). *The Market Research Toolbox*. (Edisi Kedua). California : Sage Publications, Inc.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mok Soon Sang (1994). *Psikologi Pendidikan 2*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.
- Noah H. J. dan Eckstein M. (1988). *Dependency Theory in Comparative Education: Twelve Lessons from the Literature*. dalam J. Schriever ed., *Theories and Methods in Comparative Education*: Frankfurt-am-Main: Peter Lang.
- Nina Katajavuori, Sari Lindblom-Ylänne dan Jouni Hirvonen (2006). *The significance of practical training in linking theoretical studies with practice*. Helsinki: University Of Helsinki.

- Noor Azlan Ahmad Zanzali dan Norhayati Abdul Rahman (2010). *Keberkesanan Pengajaran Mikro Dalam Latihan Mengajar Guru Pelatih Matematik Fakulti Pendidikan, UTM Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraini Idris (2001). *Pedagogi Dalam Pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors Sdn. Bhd.
- Noraini Idris (2006). *Teaching And Learning Of Mathematics*. Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors Sdn. Bhd.
- Norzamzila Mustafa (2005). *Pengambilan Pekerja Asing Dalam Industri Pembinaan*, Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana.
- Paul Christ (2009). *Know This: Marketing Basic*. Pennsylvania: Know This Media.
- Philip Kotler (2003). *Marketing Insights From A to Z* . New Jersey: John Wiley & Sons Inc.
- Krueger R. A. (1988). *Focus groups: A practical guide for applied research (3rd ed.)* California: Sage Publications.
- Rahmah Ismail. 1996. *Modal Manusia dan Perolehan Buruh*. Siri Teks Ekonomi Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robiah Sidin (1998). *Pemikiran Dalam Pendidikan*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rozanis Mustafa (2006). *Kepentingan Kemahiran Generik di Kalangan Bakal Pendidik. Kajian Kes: Pelajar Tahun 4, Pendidikan Teknik Vokasional, Fakulti Pendidikan, UTM. Projek Sarjana Muda*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Soo Wee Leng, dan Juma'ayah Salleh. 2001. *Hubungan Industri dan Pendidikan Vokasional: Isu dan Strategi*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Sekaran, U. (2003), *Research Methods for Business: A Skill Building Approach (4th Edition)*. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Siti Alida John Abdullah dan Halimah @ Nasibah Ahmad (2007), *Kewangan Dan Pelajar IPT*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd .
- Sulaiman Masri (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors Sdn. Bhd.
- Sutyastie Soemitro (2002). *Kemiskinan dan Ketidakmerataan Di Indonesia (Satu Analisis Awal)*. Jakarta : Rineka Cipta.

Yahaya Ibrahim dan Abd. Hair Awang (2008). *Pembangunan Modal Insan Isu Dan Cabaran*. Bangi : Penerbit UKM. Yukl, Gary A. 1981. *Leadership in Organization*. New York: Prentice-Hall Inc.

Zulkifly Osman & Ishak Yussof. 2008. Dasar dan Masalah Guna Tenaga di Malaysia: Pengalaman Khusus Isu Pekerja Asing dan Pengangguran Siswazah. *Jurnal Tepak Manajemen Bisnes*, Vol. 1. No. 1: 3-24, UNRI, Riau. [ISSN 1979-3294]